

KEPENTINGAN PENGHASILAN VIDEO MENGGUNAKAN TELEFON PINTAR DIDALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Muhammad Hanif Bin Selamat
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor
m.hanif@psa.edu.my

ABSTRAK

Teknologi telefon pintar telah memberikan kemudahan kepada manusia. Kegunaan telefon pintar adalah untuk memudahkan komunikasi dan hubungan secara dinamik. Fungsi kamera pada telefon pintar memudahkan manusia merakam gambar atau video untuk tujuan dokumentasi sesuatu perkara. Penggunaan video sememangnya menjanjikan pelbagai kelebihan sama ada apabila ianya digunakan secara sendiri ataupun diintegrasikan bersama di dalam sesebuah aplikasi multimedia atau laman web. Video yang dirakam didalam telefon pintar perlu disunting untuk menjadikan dokumentasi video itu tersusun dan jelas sebagai alat penyampaian pembelajaran dan pengajaran.

KATA KUNCI: Penghasilan Video menggunakan telefon pintar dalam PdP, Kepentingan dan Kesan.

Pengenalan

Dalam era konvergensi ini, penghasilan video bukan sahaja berfungsi sebagai bahan dokumentasi malah menjadi satu keperluan bagi kebanyakan masyarakat seluruh dunia. Perkembangan teknologi telefon bimbit telah menghasilkan suatu alat multi-fungsi yang dipanggil telefon pintar. Dengan kewujudan telefon pintar yang memiliki fungsi merakam video serta aplikasi penyuntingan video yang boleh dimuat turun secara percuma dan berbayar. Ini dapat memudahkan para pendidik menyampaikan ilmu menggunakan bahan video yang boleh dikongsikan kepada para pelajar secara atas talian atau pemindahan data.

Menurut artikel yang didapati dari carian internet yang bertajuk “Video dalam Pendidikan, teknologi menjana Pendidikan berkualiti”, Video merupakan satu media dinamik hasil jalinan pelbagai media yang lain (seperti audio, grafik dan sebagainya). Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan lagi keberkesanan proses penyampaian sesuatu mesej kerana media yang bersifat dinamik serta mempunyai jalinan pelbagai media mampu merangsang pelbagai deria dengan lebih mudah dan berkesan.

Pada era ini, aplikasi penyuntingan video boleh dimuat turun secara percuma bagi penggunaan biasa atau berbayar bagi penyuntingan profesional. Antara aplikasi penyuntingan video yang popular adalah seperti Inshot, Kinemaster, Power director, Imovie, Filmmaker dan sebagainya. Ianya boleh didapati didalam aplikasi bagi pengguna telefon pintar *Android* di *Google Play* dan bagi pengguna telefon pintar jenama *Apple* di aplikasi *Appstore*. Aplikasi ini digunakan secara meluas dalam penghasilan video. Hasil video yang telah disunting dimuat naik kedalam Youtube untuk tontonan umum.

KEPENTINGAN PENGHASILAN VIDEO MENGGUNAKAN TELEFON PINTAR

Perkembangan teknologi dalam pelbagai bidang sangat pantas tersebar di seluruh pelosok dunia. Umumnya masyarakat Malaysia khasnya golongan yang menggunakan teknologi dalam kehidupan seharian dan pelbagai golongan telah menjadikan teknologi merakam video dan aplikasi penyuntingan menggunakan telefon pintar sebagai suatu medium persembahan kepada masyarakat sekeliling. Penggunaan aplikasi penghasilan video telefon pintar bukan sekadar untuk golongan yang sedang belajar atau sudah bekerja, malah menjadi fenomena biasa kepada semua golongan masyarakat. Teknologi alat penghasilan video berkembang melalui kemajuan spesifikasi telefon pintar yang menawarkan kamera definisi tinggi dan pekakasan storan operasi yang mampu menampung penggunaan aplikasi untuk tujuan penyuntingan video. Pihak pengeluar telefon pintar kini berlumba-lumba menawarkan kelebihan spesifikasi telefon pintar yang mengutamakan aspek kestabilan video, kejelasan video dan kelajuan operasi sesebuah peranti. Aplikasi penyuntingan video ini telah memudahkan pelbagai golongan mendokumentasikan pelbagai jenis genre video yang dihasilkan menggunakan telefon pintar secara atas talian menggunakan aplikasi perkongsian video popular seperti *Youtube, Instagram, Facebook, Twitter, Tiktok* dan sebagainya. Ini boleh dilihat dengan kewujudan golongan dikenali sebagai 'Youtuber' yang menjana pendapatan di *Youtube* dengan hanya menghasilkan video tutorial memasak dan sebagainya. Perkembangan pesat teknologi kamera telefon pintar ini menyaksikan kanak-kanak diperingkat sekolah rendah juga mahir menggunakan aplikasi kamera video dan penyuntingan telefon pintar. Seterusnya mampu menghasilkan video-video yang berkualiti dan dikongsikan secara atas talian. Penyebaran teknologi internet yang tidak mengenal jarak, waktu, dan usia pengguna menyebabkan bukan hanya orang dewasa sahaja yang boleh menggunakan internet tapi kanak-kanak juga mampu secara langsung menggunakannya (Salmah dan Malisah, 2015).

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan laju dan meluas memberi kesan kepada semua aspek kehidupan tidak terkecuali di dalam bidang pendidikan. Selari dengan perkembangan ini, ia telah mengubah cara manusia belajar (Naismith et. al, 2004). Proses pembelajaran kini berlangsung dengan melampaui ruang fizikal bilik kuliah (Kukulka-Hulme & Taxer, 2005), bersifat globalisasi dan sepanjang hayat (Sharples, 2000 & Cheng & Townsend, 2000). Menerusi penggunaan video, sesuatu penerangan yang perlu dilakukan secara berulang-ulang boleh dilakukan dengan lebih mudah. Sebagai contoh, penerangan mengenai sesuatu proses kerja di makmal boleh dirakamkan dan dipaparkan kembali kepada pelajar bila-bila masa yang diperlukan. Pelajar juga boleh menonton klip video tersebut bagi membentuk kefahaman yang mendalam apabila diperlukan. Video sebagai media penyampaian ilmu mampu menjadikan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Penggunaan media ini boleh mempercepatkan kadar pemahaman seseorang pelajar. Pelajar juga boleh belajar sama ada secara individu atau berkumpulan tanpa memerlukan tenaga pengajar di samping mereka sepanjang masa.

KESAN PENGHASILAN VIDEO MENGGUNAKAN APLIKASI TELEFON PINTAR

Para pendidik harus menggunakan aplikasi penyuntingan video ini didalam proses pembelajaran dan pengajaran kerana ia dapat memberikan kemudahan kepada para pelajar memahami atau menerima sesuatu maklumat yang berkaitan subjek yang diajar oleh guru atau pensyarah. Kaedah ini memberi kesan dimana proses pembelajaran dan pengajaran telah diperbaharui dengan penyampaian secara video. Paparan atau persembahan video yang lebih hidup dan realistik mampu meraih emosi seseorang dengan lebih mudah berbanding penggunaan imej atau media lain yang statik sifatnya. Sebagai contoh, dalam proses penyampaian mesej mengenai bahaya ancaman virus Covid-19, paparan video yang memaparkan keadaan dengan mudahnya mampu memberi kesan kepada emosi penonton seterusnya mengusik jiwa dan perasaan mereka. Ini secara tidak lansung boleh mengubah sikap seseorang dengan lebih mudah dan pantas.

Walaupun sifat asas klip sesuatu video adalah dinamik tetapi ianya mampu dikawal menerusi kemudahan yang disediakan oleh teknologi perisian. Para pelajar boleh memainkan video, memberhentikan seketika atau mengulang kembali klip – klip video digital yang disediakan mengikut keperluan masing – masing. Ini secara tidak langsung membolehkan sesuatu proses pembelajaran dilakukan mengikut keperluan dan tahap penerimaan pelajar dan bukannya mengikut keperluan tenaga pengajar semata – mata.

Dalam mempelajari sesuatu kemahiran fizikal seperti kemahiran menggunakan perisian komputer, kemahiran mengulang kaji, kemahiran mengendalikan peralatan dan sebagainya, demonstrasi atau tunjuk ajar ditunjukkan secara langsung amat diperlukan. Ini bagi membantu proses membina kefahaman dan seterusnya membentuk kemahiran seperti mana yang diperlukan. Video digital boleh digunakan bagi membantu dalam proses membentuk kemahiran dengan lebih pantas dan berkesan. Pelajar boleh menonton serta mengawal perjalanan video mengikut keperluan dan tahap kefahaman masing – masing.

Proses pengajaran di dalam kelas juga boleh menjadi lebih pantas dan mudah menerusi penggunaan video digital yang ditayangkan. Penerangan yang panjang lebar serta sesi demonstrasi yang meleret – leret juga tidak diperlukan lagi. Ini adalah kerana proses penerangan menerusi video yang menggabungkan elemen – elemen seperti imej foto atau grafik, muzik dan suara latar mampu memberi penjelasan yang lebih jelas kepada para pelajar.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, setiap penghasilan bahan video menggunakan aplikasi penyuntingan telefon pintar yang dihasilkan akan meningkatkan kualiti penyampaian sesi pembelajaran dan pengajaran (PnP). Teknologi yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat pembangunan aplikasi telefon pintar telah memudahcara dan menjadikan fungsi telefon pintar sebagai peranti serbaguna dalam Pembelajaran dan pengajaran. Video pembelajaran dan pengajaran mampu dihasilkan sendiri dari proses pre-produksi yang merangkumi proses penulisan skrip, proses rakaman dan post-produksi yang merangkumi proses penyuntingan akhir iaitu menyusun, menambah lemen-lemen infografik tambahan didalam video yang dihasilkan. Maka dalam konteks penggunaan aplikasi penyuntingan video telefon pintar para pendidik haruslah merancang dan meneliti objektif bahan video yang dihasilkan seterusnya dapat menghasilkan video pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti dalam penyampaian ilmu kepada para pelajar,

RUJUKAN

Bernama (Oktober 2016). *Jangan guna telefon bimbit semasa dicas* - Suruhanjaya Tenaga, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jangan-guna-telefon-bimbit-semasa-dicas-suruhanjaya-tenaga-119060>

Faizatul Farlin Farush Khan. (2015), *Baik, mudarat gajet atas pilihan*, 9 September, Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/node/76176>.

Fatin Zahra (Julai 2020). <https://hellodoktor.com/ms/gaya-hidup-sihat/tips-kesihatan/sakit-pergelangan-tangan-main-handphone/>

Harian Metro (2017). *Ajal direnjat 'power bank'*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/232861/ajal-direnjat-powerbank>

Malay Mail (2017). <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/jangan-keterlaluan-guna-telefon-bimbit-kata-fomca>

Muhammad Wa'iz (Jun 2020). <https://hellodoktor.com/ms/keibubapaan/tips-keibubapaan/gajet-membantu-atau-merosakkan-perkembangan-anak-anda/>

Salmah Omar dan Malisah Latip (2015), *Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak*. <https://www.researchgate.net/publication/306256070>

Shima Dyana Binti Mohd Fazree Siti Marziah Zakaria (2018), *Kesan Penggunaan Gajet Kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah*, Jurnal Wacana Sarjana Vol. 2(4) Dis 2018: 1-6: <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/gajet-kesan-pada-anak-1.408959>.

Utusan (2014). *Gajet Ibarat Pengasuh Kedua*.

http://www.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140102/ke_01/Gajet-ibarat-pengasuh-kedua.

<http://pama.karangkraf.com/kanak-kanak/anak-kemaruk-televisyen-gajet-1.141722>

<https://wiser.my/14-aplikasi-penyunting-video-percuma-untuk-android-atau-ios/>

<https://carisinyal.com/aplikasi-edit-video-untuk-pc/>

<https://www.slideshare.net/IPGKT/video-dalam-pengajaran-dan-pembelajaran>

<https://edup-2083.blogspot.com/2019/07/topik-6-video-untuk-pengajaran-dan.html>

<http://ms.wondershare.com/multimedia-tips/youtube-video-editing-software-apps.html>